

Langkah damai UMNO - PAS disambut baik

IPÖH, Jumaat — Pemimpin-pemimpin UMNO Perak mengalu-alukan kedamaian antara mereka dengan PAS demi mengukuhkan semula perpaduan bangsa, agama dan tanahair.

Mereka rata-rata tidak nampak sebarang masalah PAS menyertai semula Barisan Nasional sebagai menahkut tawaran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Setiausaha Perhubungan UMNO Perak, Haji Abdul Khalid Nasir berharap apa jua perbezaan pendapat dengan PAS semasa mereka terlibat dalam kempen pilihanraya dilupakan sahaja untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu.

"Rakyat telah pun membuat keputusan pada 22 April lalu dan tidak ada apa-apa lagi perselisihan faham yang harus dipertikaikan, sama ada oleh kita di dalam UMNO atau PAS," katanya.

Haji Abdul Khalid yang menang atas tiket BN di Kamunting selanjutnya mengalu-alukan kemasukan semula PAS ke dalam Barisan.

"Tawaran Datuk Seri Dr. Mahathir itu adalah satu keikhlasan dan sebagai satu bangsa yang mendokong cita-cita satu kaum, kita sudah tentu tidak ingin melihat pertelagahan berterusan hingga tiada hari penamatnya," tambahnya.

Tak ketara

Haji Abdul Khalid berkata, perbezaan UMNO-PAS di Perak pada keseluruhannya tidaklah ketara sangat jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain.

"Memang kita akui keadaan di masa dulu, tetapi ahli dan penyokong kedua buah parti di Perak, khususnya sudah faham dan matang menerima hakikat perjuangan politik tanahair, terutama di bawah kepimpinan Mahathir-Musa," katanya.

Ketua Penerangan UMNO Perak, Datuk

Haji Hisan Ibrahim ketika ditinjau pendapatnya juga berharap pemimpin agung PAS, Datuk Haji Mohd Asri Muda memikirkan semula jemputan menyertai Barisan demi menyatupadukan balik perpaduan orang Melayu, terutama untuk melicinkan jentera pembangunan di bawah pentadbiran 2M.

Bellau bertanya, apakah kerenggangan PAS-UMNO harus berpanjangan, sedangkan satu pihak telah menampakkan kejujurannya?

Datuk Haji Hisan mensifatkan keadaan UMNO-PAS di negeri ini sekarang cuma perbezaan biasa, sekalipun kedua belah pihak tidak sunyi dari bertikal menegakkan kebenaran sewaktu berkempen.

"Akan tetapi, perkara itu sudah berlalu dan sebagai umat Islam yang berpegang teguh kepada prinsip keagamaan, kita harus bersatu," tambahnya.

Setuju

Datuk Haji Hisan tidak menyangkal kehangatan kempen kedua belah pihak, tetapi UMNO menerima segala tuduhan pihak lawan sebagai perkara yang tidak masuk akal.

Beberapa orang calon UMNO yang menang melahirkan harapan agar para penyokong PAS insaf dari kesilapan mereka di masa lalu dan segera kembali ke jalan yang benar, sebelum terlambat.

Kalangan penyokong PAS Perak ketika ditinjau pendapat mereka bersetuju andainya mereka berbaik semula dengan UMNO bagi faedah bangsa.

Timbalan Pesuruhjaya PAS Perak, Ustaz Adnan Yusof ketika ditemubual menjelang persiapan pilihanraya tidak menyangkal akan sesuatu kebenaran jika kedua buah parti itu bergabung semula.

Para pemerhati politik berpendapat kekalahan semua 45 calon PAS Perak haruslah dijadikan satu kesedaran betapa perbezaan ketika mereka masih di dalam BN dan keadaan selepas keluar dari kerajaan.